

AKHBAR : BH AHAD  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : NASIONAL

# Akta Kawalan Produk Merokok dikuat kuasa Oktober

Semua peraturan, perintah akta sudah dapat kelulusan Jabatan Peguam Negara

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Serdang:** Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 dijangka dikuat kuasa selewat-lewatnya Oktober ini, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Dr Dzulkefly memaklumkan, semua peraturan dan perintah mengikut akta itu sudah mendapat kelulusan Jabatan Peguam Negara (AGC) dan kini sedang menunggu untuk dikembalikan semula kepada Kementerian Kesihatan (KKM).

"Kita sudah di fasa akhir. Oktober ini, insya-Allah, kita akan melancarkan empat peraturan dan satu perintah, yang sudah kita selesaikan semuanya daripada AGC.

"Kita sudah anjak sekali (jangkaan penguatkuasaan) dan diharapkan selewat-lewatnya pada Oktober. Kita mungkin nak kejar juga pada September tapi andainya tidak dapat, pada Oktober," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Thalassaemia Sedunia Peringkat Kebangsaan 2024 di Hospital Sultan Abdul Aziz



Dr Dzulkefly dan Dr Ahmad Farhan bergambar bersama peserta larian pada Sambutan Hari Thalassaemia Sedunia Peringkat Kebangsaan 2024 di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Shah (HSAAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah.

Sebelum ini, KKM menjangka-jangka Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 dapat dilaksanakan bulan ini, namun ia kemudian ditunda ke hujung tahun ini susulan menunggu kelulusan sepenuhnya peraturan dan perintah daripada AGC.

**Akta lebih ketat**  
Berhubung gesaan Pejabat Perburuhaya Kanak-Kanak di Su-

ruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) supaya Seksyen 13 mengikut akta itu berkaitan larangan sebarang penjualan produk tembakau serta nikotin kepada kanak-kanak, dilaksanakan lebih ketat, Dr Dzulkefly berkata, akta itu sudah merangkumi semua aspek, termasuk memperbaiki kelompongan selepas produk cecair atau gel nikotin dikeluarkan daripada Akta Racun 1952.

"Persoalan yang dibangkitkan dulu, wujud satu kelompongan, di mana cecair (nikotin) tidak di-kawal selia.

"Hari ini (semalam) dengan akta ini, kita sudah tangani kepada semua jenis produk, bukan sahaja rokok dan tembakau tetapi juga vape dan rokok elektronik," katanya.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, KKM berhasrat meningkatkan kadar saringan Thalassaemia supaya data lebih lengkap dapat diperoleh, sekali gus membolehkan intervensi awal dilakukan.

Berdasarkan Daftar Thalassaemia Malaysia 2020, terdapat 8,767 pesakit Thalassaemia di negara ini.

**AKHBAR : BH AHAD**  
**MUKA SURAT : 24**  
**RUANGAN : DUNIA**

## WHO gesa tingkat pengeluaran vaksin mpox

**Geneva:** Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menggesa penge luaran vaksin mpox atau cacing monyet dipertingkatkan dalam usaha menekan penyebaran virus yang lebih berbahaya.

Rabu lalu, WHO mengisyiharkan kes lonjakan mpox sebagai kecemasan kesihatan awam yang membimbangkan di peringkat antarabangsa.

Ia adalah tahap amaran ter inggi, dengan kes Clade 1b mewujud di Republik Demokratik Congo (DRC) dan merebak di luar sempadannya.

Jurucakap WHO, Margaret Harris, berkata pengeluaran perlu benar-benar dipertingkatkan untuk mendapat akses kepada lebih banyak vaksin.

WHO meminta supaya nega sa yang mempunyai stok vaksin

mpox untuk mendermakannya kepada negara yang mengalami wabak berterusan.

Dua vaksin mpox digunakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini iaitu MVA-BN, yang dihasilkan oleh pembuat ubat Denmark Bavarian Nordic dan LC16 Jepun.

Harris berkata, terdapat 500,000 dos MVA-BN dalam stok, manakala tambahan 2.4 juta dos boleh dihasilkan dengan segera, jika terdapat komitmen daripada pembeli.

Untuk 2025, tambahan 10 juta dos boleh dihasilkan, atas permintaan perolehan yang kukuh.

"LC16 adalah vaksin yang tidak dikomersialkan tetapi dihasilkan oleh kerajaan Jepun. Terdapat banyak stok vaksin ini," tambah Harris, dengan mengatakan WHO bekerjasama dengan Tokyo untuk

memudahkan sumbangan.

Badan amal Doctors Without Borders berkata, negara yang mempunyai simpanan vaksin tetapi tiada wabak "mesti menderma sebanyak mungkin dos" kepada negara yang terjejas di Afrika.

Ia turut menggesa Bavarian

Nordic menurunkan harganya.

Katanya, MVA-BN tidak dapat dicapai oleh kebanyakan negara di mana mpox adalah ancaman.

Persekutuan Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa (IFRC) rangkaian kemanusiaan terbesar dunia, berkata ia berdepan

cabaran besar dalam menangani penyakit mpox.

WHO yang diketuai oleh Tedros Adhanom Ghebreyesus, akan mengeluarkan cadangan sementara mengenai pengendalian lonjakan mpox.

Terdapat dua subjenis virus iaitu Clade 1 yang lebih ganas dan membunuh, endemik di Lembangan Congo di Afrika tengah dan Clade 2, endemik di Afrika Barat.

Tedros berkata, peningkatan di DRC didorong oleh dua jenis Clade 1 yang berbeza.

"Yang pertama ialah wabak di barat laut DRC yang sebelum ini dikenali sebagai Clade 1 dan kini dipanggil Clade 1a.

"Wabak ini memberi kesan terutamanya kepada kanak-kanak dan merebak melalui pelbagai cara," katanya.

AFP

 **Terdapat 500,000 dos MVA-BN dalam stok, manakala tambahan 2.4 juta dos boleh dihasilkan dengan segera, jika terdapat komitmen daripada pembeli.**

**Margaret Harris,  
Jurucakap WHO**



AKHBAR : KOSMO AHAD  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : NEGARA

## 51 penuntut kolej cirit-birit, muntah selepas makan di kafe

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

**MELAKA** – Seramai 51 penuntut Kolej Profesional Mara (KPM) Ayer Molek, Tiang Dua di sini, mengalami keracunan makanan selepas menikmati sajian di tujuh buah kafe di institusi itu, baru-baru ini.


Difahamkan, antara menu yang dijual di kafe terlibat adalah nasi campur, nasi ayam dan pelbagai jenis makanan barat termasuk carbonara serta spaghetti.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Rahmad Mariman berkata, kesemua kafe terbabit telah diarahkan tutup serta-merta selama dua minggu bermula pukul 6.30 petang, kelmarin.

Katanya, pelajar yang terlibat mengalami gejala keracunan makanan sejak Khamis lalu dan situasi itu berterusan sehingga kelmarin, menyebabkan penguat kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hadir bagi membuat pemeriksaan serta siasatan ke atas pelajar.

"Pada Khamis beberapa pelajar mengadu mengalami sakit perut, muntah, cirit-birit serta demam dan pihak felo telah membawa pelajar ke Hospital Jasin.

"Keadaan ini berterusan apabila beberapa kali penghantaran



**NOTIS penutupan sebuah kafe di KPM Ayer Molek, Melaka susulan kes keracunan makanan membabitkan 51 pelajar.**

pelajar dilakukan ke Klinik Kesihatan Ayer Molek dan sehingga pukul 6.30 petang kelmarin, bilangan pelajar terlibat seramai 51 orang iaitu 36 perempuan dan 15 lelaki," katanya ketika dihubungi.

Rahmad memberitahu, hanya seorang daripada pelajar telah dimasukkan ke wad setelah dibawa bapanya ke hospital bagi mendapatkan pemeriksaan lanjut, manakala pelajar lain dibenarkan pulang semula ke asrama.

"Rumusan yang didapati adalah tiada punca spesifik dapat dikenal pasti dan semua pelajar terlibat mengatakan mereka makan pelbagai menu di kesemua kafe beroperasi," katanya.

Tambahnya, pihak kolej akan membawa vendor luar untuk keperluan makan dan minum pelajar yang dianggarkan seramai 390 orang berada di asrama.

AKHBAR : SINAR AHAD  
MUKA SURAT : 31  
RUANGAN : NASIONAL

SINAR AHAD | 18 OGOS 2024

# 51 pelajar KPM Ayer Molek keracunan makanan

Alami gejala selepas makan di tujuh buah kafe dekat institut pengajian berkenaan

Oleh NOR FARHANA YAACOB  
MELAKA

**S**eramai 51 pelajar Kolej Profesional Mara (KPM) Ayer Molek, Tiang Dua di sini dilaporkan mengalami keracunan makanan sejak Khamis lalu.

Kejadian berlaku selepas pelajar berkenaan dipercayai menikmati sajian di tujuh buah kafe di institut pengajian terbabit.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hafizah Agama Melaka, Datuk Rahmad Mariman berkata, pelajar terbabit telah dibenarkan pulang selepas mendapatkan rawatan di Hospital Jasin dan Klinik Kesihatan Ayer Molek.

Bagaimanapun, katanya, seorang daripada pelajar dimasukkan ke wad selepas dibawa oleh bapanya ke hospi-



Notis penutupan sementara kafe di KPM Ayer Molek, Tiang Dua selama 14 hari.

tal terbabit bagi mendapatkan periksaan lanjut.

Menurutnya, pelajar terbabit mengalami gejala keracunan makanan sejak Khamis dan keadaannya berlarutan hingga Jumaat menyebabkan penguat kuasa Kementerian Kesihatan

(KKM) hadir bagi membuat pemeriksaan serta siasatan ke atas pelajar.

"Pelajar mengadu mengalami sakit perut, muntah, cirit-birit serta demam dan pihak felo telah membawa pelajar ke Hospital Jasin.

"Bilangan pelajar terlibat seramai 51 orang melibatkan 36 perempuan dan 15 lelaki. Mereka dihantar mendapatkan rawatan di Hospital Jasin dan Klinik Kesihatan Ayer Molek," katanya ketika dihubungi di sini pada Sabtu.

Difahamkan, antara menu yang dijual di kafe tersebut ialah nasi campur, nasi ayam dan pelbagai jenis makanan barat termasuk carbonara serta spaghetti.

Rahmad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek berkata, kesemua kafe yang terdapat di kolej berkenaan diarahkan tutup serta merita selama dua minggu bermula jam 6.30 petang Jumaat.

"Setakat ini tiada punca spesifik yang dapat dikenal pasti. Semua pelajar terlibat mengatakan mereka makan pelbagai menu dari kesemua kafe beroperasi.

"Oleh itu, KKM terpaksa mengambil keputusan untuk menutup operasi kesemua kafe bagi tujuan pembersihan atau sanitasi bagi memutuskan rantai keracunan," ujarnya.

AKHBAR : SINAR AHAD  
MUKA SURAT : 37  
RUANGAN : GLOBAL

# Wabak mpox semakin menular

WHO isytihar darurat dan menyatakan ia berkemungkinan merebak pantas ke Eropah

Susunan ZULHILMI HAT  
PARIS

**W**abak mpox atau cacar monyet yang semakin meningkat di Afrika telah diisytiharkan darurat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta Pusat Pencegahan Kawalan Penyakit Eropah (ECDC) yang menyatakan ia berkemungkinan merebak dengan pantas ke negara-negara di Eropah.

Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika (CDC) mengisytiharkan Kecemasan Kesihatan Awam bagi Keselamatan Benua (PHECS) yang pertama untuk penyakit yang boleh membawa maut itu.

Malangnya, ia adalah kali pertama WHO mengeluarkan amaran kesihatan awam sejak wabak itu mulai merebak ke seluruh dunia pada tahun 2022.

Kini, virus itu dilaporkan merentas dari pusatnya di Republik Demokratik Congo (DRC) ke negara Afrika lain dan terbaru ia dikesan pada minggu ini buat pertama kali di Sweden dan Pakistan.

## Apakah mpox?

Penyakit ini dahulunya dienaliti sebagai cacar monyet dan ia kali pertama dikesan pada

manusia di DRC pada tahun 1970.

Terdapat dua subjenis virus dikenali sebagai *Clad 1* dan *Clad 2*.

*Clad 1* paling berbahaya dan menjadi endemik di Lembangan Congo di tengah Afrika selama beberapa dekad, manakala *Clad 2* kurang berbahaya dan menjadi endemik di beberapa bahagian di Barat Afrika.

Mpox boleh disebarluaskan kepada manusia ke manusia lain menerusi hubungan seksual atau fizikal.

Gejalanya termasuk demam, sakit otot dan kulit gelembung seperti bisul.

Virus itu mendapat perhatian antarabangsa pada Mei 2022 bila mana strain kurang berbahaya dikenali sebagai *Clad 2b* merebak di seluruh dunia termasuknya lelaki gay dan biseksual.

Menurut WHO, antara Januari 2022 dan Jun 2024, kira-kira 208 kes kematian direkodkan dan lebih 99,000 kes dikesan di 116 negara.

## Kes mpox terbaru

Lonjakan kes terkini membatikan *Clad 1* yang paling berbahaya dan varian mutasi baharu.

Strain yang dikenali sebagai *Clad 1b* telah pertama kali dikesan dalam golongan pekerja sek di DRC pada September 2023.

Pada minggu ini, Sweden melaporkan kes pertama varian dari luar Afrika dan badan kesihatan EU menggesa negara-negara lain bersiap-sedia. Pakistan melaporkan kes pertama mereka.

"Tidak menghairankan... Perjalanan antara benua telah membawanya ke Eropah," kata




Sampel mpox yang diambil dari pesakit untuk tujuan kajian bagi mencipta vaksin. - Agensi

Profesor Madya Imunologi, Universiti Cambridge, Brian Ferguson.

Beliau menambah bahawa kes mungkin meningkat di Eropah dan di tempat lain kerana pada masa ini tiada mekanisme untuk menghentikan kes import mpox.

## Siapa terjejas?

*Clad 1* terkenal kerana menyebabkan penyakit menjadi lebih teruk di kalangan kanak-kanak, wanita hamil dan orang yang mengalami gangguan imun, menurut Jonas Alibarnaz, yang pakar dalam virus cacar di Institut Pirbright di Britain.



Virus mpox semakin menular di luar negara Afrika. - Agensi

Katanya, *Clad 1b* menular oleh aktiviti seksual dan kebanyakannya menjangkiti golongan dewasa.

Ia juga telah direkodkan merebak melalui hubungan bukan seksual dengan orang ramai, termasuk kanak-kanak bermain bersama di sekolah.

Menurut WHO, *Clad 1b* menyebabkan kematian sekitar 3.6 peratus yang termasuk bayi dan kanak-kanak.

## Vaksin

Semasa penyebaran global mpox pada tahun 2022, vaksin

telah digunakan di Eropah dan Amerika Utara bagi membantu mengawal wabak tersebut.

Bagaimanapun, vaksin belum tersedia secara meluas di negara-negara Afrikayang paling terjejas oleh mpox.

Jabatan Kesihatan AS berkata pada hari Rabu ia akan menderma 50,000 dos vaksin mpox kepada DRC.

Ketua CDC Afrika Jean Kaseya mengumumkan perjanjian dengan EU dan pembuat ubat Denmark, Bavarian Nordic untuk mengedarkan 200,000 dos di seluruh benua itu. - AFP



Gejala mpox mudah dikesan apabila pesakit mengalami cacar atau gelembung air seperti bisul pada anggota badan pesakit. - Agensi

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES  
MUKA SURAT : 11  
RUANGAN : NATION / NEWS

6 RUSHED TO HOSPITAL

# 51 HIT BY SUSPECTED FOOD POISONING

7 cafes in Jasin college closed until Aug 30 for cleaning and sanitation

AMIR MAMAT  
MELAKA  
news@nst.com.my

FIFTY-ONE students of a college in Melaka Tengah are suspected to have suffered from food poisoning after eating at cafés on the premises.

Six students were rushed to Jasin Hospital last Thursday after suffering from stomachache, vomiting, diarrhoea and fever.

State Education, Higher Education and Religious Affairs Committee chairman Datuk Rahmad Mariman said the number of



Datuk Rahmad Mariman

those who sought treatment at health facilities had increased to 51 up to 6.30pm on Friday.

The 51 comprised 36 female and 15 male students.

"They are reported to be in sta-

ble condition. Only one student was admitted to hospital, while others received outpatient treatment.

"They were then allowed to return to their hostels."

Rahmad added that there were no new cases reported up to noon yesterday.

Following the incident, all seven cafés at the college had been instructed to close for 14 days until Aug 30 for cleaning and sanitisation.

This followed an inspection by health enforcement officers, who did not find any specific source that had led to the food poisoning.

"The students claimed to have eaten dishes from the seven cafés.

"So all seven have been ordered to close and carry out cleaning and sanitisation."

"The Health Department authorities will conduct another check on Aug 19 (tomorrow)."

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

## Magic Mushroom vape contains synthetic drugs

**KUALA LUMPUR:** The Magic Mushroom line of vape products contains synthetic drugs and users have experienced mental delirium and severe abnormal behaviour, says the National Poison Centre of Universiti Sains Malaysia.

After conducting tests on several samples of the product, the centre detected no traces of psilocybin, a naturally-occurring psychedelic prodrug found in more than 200 species of fungi.

(A prodrug is a compound that is initially pharmacologically inactive but is metabolised or converted within the body, rendering it into a pharmacologically active drug.)

"These samples were found to contain synthetic drugs, which are more dangerous and can cause severe symptoms of poisoning and potentially be fatal," it said in a Facebook post on Friday.

The centre said this showed that vape devices were easily manipulated, and uncontrolled use of vapes could lead to the abuse of dangerous drugs, including new synthetic substances such as ketamine, phencyclidine and amphetamine-like compounds.

"Do not be fooled by promotions of 'Magic Mushroom' vape as a flavour or claims that it is harmless," it said while urging users to inform medical officers of their use of vape if they experience unexpected or severe symptoms after using the product.

The centre said the increasing use of vape products containing dangerous drugs was worrying especially when school students were involved.

"The government needs to immediately enforce legal control for the sake of public health," it added.